

Lelaki ugut bunuh anak saudara dipenjara 12 bulan

KUCHING: Perbuatan seorang lelaki yang mengugut bunuh anak saudara perempuan berusia 16 tahun gara-gara mangsa menggunakan bilik air terlalu lama membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Rahmat Sajana Husain, 35, yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya

sekali jika sabit kesalahan.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan hukuman penjara bagi tertuduh dikuatkuasakan mulai semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan ugutan jenayah dengan mengugut hendak membunuh anak saudaranya (mangsa) dalam satu kejadian sekitar jam 9.15 malam pada 20 Ogos 2026, di sebuah rumah di Kampung Pulo Hilir, Petra Jaya.

Fakta kes mendedahkan tertuduh mengeluarkan kata ugutan berbunyi “mati

ku bunuh malam tok” terhadap mangsa pada malam kejadian selepas berang kerana mangsa menggunakan bilik air terlalu lama.

Kata-kata tersebut menimbulkan rasa takut dan kebimbangan dalam diri mangsa serta ibu bapanya, yang kemudiannya membuat laporan polis.

Tertuduh seterusnya ditangkap pada keesokan harinya (21 Ogos 2026) sekitar jam 12.15 tengah malam.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Marvind Kalliyani.